

GARIS PANDUAN PAPAN TANDA PEMBINAAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR



JABATAN REKABENTUK BANDAR & BANGUNAN
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR



Unit Inovasi & Piawaian Bangunan
9 April 2013

1.0 PENDAHULUAN

Jabatan Rekabentuk Bandar & Bangunan telah diminta untuk menyemak kembali Garis Panduan Papan Tanda Pembinaan untuk diselaraskan kembali selari dengan Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Garispanduan ini melibatkan semua jenis pembangunan baru di dalam Kuala Lumpur.

2.0 PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG.

Undang-undang Kecil Bangunan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1985 bahagian 46 (1) menyatakan keperluan untuk mendirikan Papan Tanda sebelum sesuatu pembinaan dimulakan.

3.0 PROSEDUR & PROSES

Kelulusan Kebenaran Merancang (KM) akan mensyaratkan bahawa pemohon perlu mengemukakan Pelan Papan Tanda Pembinaan bersama dengan Pelan Bangunan semasa permohonan kelulusan Kebenaran Mendirikan Bangunan (KMB).

Kebenaran Mendirikan Bangunan (KMB) akan mensyaratkan bahawa Papan Tanda Pembinaan hendaklah didirikan sebelum Borang B dikemukakan dan kerja-kerja dijalankan di tapak mengikut spesifikasi dan syarat-syarat yang ditetapkan mengikut Garis Panduan Papan Tanda Pembinaan.

PSP perlu mengemukakan surat akuan, gambar papan tanda pembinaan yang telah didirikan sebagai bukti binaan sementara telah dijalankan.

4.0 GARIS PANDUAN PAPAN TANDA PEMBINAAN

- I. Penggunaan logo dan nama DBKL adalah dilarang sama sekali kecuali bagi projek Usahasama DBKL atau projek Penswastaaan DBKL.
- II. Tulisan hendaklah dalam Bahasa Malaysia dan berwarna hitam dengan latar belakang putih.


4.1 PAPAN TANDA PEMBINAAN PROJEK BESAR DAN SEDERHANA (Rujuk Lakaran 1)

- Papan tanda pembinaan hendaklah diletak berhampiran pintu masuk utama atau pada sempadan yang berhadapan jalan utama serta tidak terlindung.
- Papan tanda pembinaan hendaklah dibina dengan kukuh serta mempunyai laluan angin. Bahan binaan hendaklah diperbuat dari "mild steel" atau "galvanized iron"

- Saiz tulisan hendaklah mudah dibaca dengan mata kasar dari jarak 20 meter.
- Papan Tanda Tambahan (Notis Pemberitahuan Kerja-Kerja Pembinaan) perlu dipasang bersebelahan dengan pintu masuk utama dan pada sempadan yang berhadapan jalan utama serta tidak terlindung. Notis perlu diletakkan di tengah “hoarding” atau di pasang secara bersendirian (“stand alone”). (Sila rujuk Lakaran 3)


4.2 PAPAN TANDA PEMBINAAN UNTUK KERJA-KERJA PENGUBAHSUAIAN / TAMBAHAN & PERUBAHAN (Rujuk Lakaran 2)

- Papan tanda pembinaan hendaklah diletak pada tempat yang mudah dilihat dari jalan utama serta tidak terlindung.
- Papan tanda pembinaan hendaklah dibina daripada bahan yang bersesuaian serta kalis cuaca.
- Saiz tulisan hendaklah mudah dibaca dengan mata kasar dari jarak 10 meter.



LAKARAN 2

GARIS PANDUAN PAPAN TANDA PEMBINAAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR



○ LAKARAN 1

PAPAN TANDA TAMBAHAN**NOTIS PEMBERITAHUAN KERJA-KERJA PEMBINAAN**

(Selaras dengan arahan Datuk Bandar Kuala Lumpur berkuatkuasa 1hb Julai 2010)

MINIMA 2.4 METER

MINIMA 1.2 METER

(TAJUK PROJEK) <div style="border: 1px solid black; padding: 10px; text-align: center;"> PERSPEKTIF VIEW (1/3 daripada keluasan notis ini) </div>	NOTIS PEMBERITAHUAN KERJA-KERJA PEMBINAAN DI ATAS TAPAK INI PERMIT MEMULAKAN KERJA: (no fail BP di JRBB) WAKTU BEKERJA DIBENARKAN: ISNIN -SABTU 7.00 PAGI - 7.00 PETANG																							
	<table border="0"> <tr> <td>ORANG UTAMA MENGEMUKAKAN</td> <td>No. Tel :</td> </tr> <tr> <td>Nama Pegawai Bertanggungjawab:</td> <td>No. Fax :</td> </tr> <tr> <td></td> <td>Hotline :</td> </tr> <tr> <td></td> <td>Email:</td> </tr> <tr> <td>PEMAJU</td> <td>No. Tel :</td> </tr> <tr> <td>Nama Pegawai Bertanggungjawab:</td> <td>No. Fax :</td> </tr> <tr> <td></td> <td>Hotline :</td> </tr> <tr> <td></td> <td>Email:</td> </tr> <tr> <td>KONTRAKTOR UTAMA</td> <td>No. Tel :</td> </tr> <tr> <td>Nama Pegawai Bertanggungjawab:</td> <td>No. Fax :</td> </tr> <tr> <td></td> <td>Hotline :</td> </tr> <tr> <td></td> <td>Email:</td> </tr> </table> <p>"Saya sebagai orang utama mengemukakan akan bertanggungjawab untuk memastikan waktu bekerja yang dibenarkan, syarat keselamatan di tapak dan syarat kebersihan tapak bina dipatuhi".</p> <p style="text-align: right;">Nama Arkitek: LAM No. :</p>	ORANG UTAMA MENGEMUKAKAN	No. Tel :	Nama Pegawai Bertanggungjawab:	No. Fax :		Hotline :		Email:	PEMAJU	No. Tel :	Nama Pegawai Bertanggungjawab:	No. Fax :		Hotline :		Email:	KONTRAKTOR UTAMA	No. Tel :	Nama Pegawai Bertanggungjawab:	No. Fax :		Hotline :	
ORANG UTAMA MENGEMUKAKAN	No. Tel :																							
Nama Pegawai Bertanggungjawab:	No. Fax :																							
	Hotline :																							
	Email:																							
PEMAJU	No. Tel :																							
Nama Pegawai Bertanggungjawab:	No. Fax :																							
	Hotline :																							
	Email:																							
KONTRAKTOR UTAMA	No. Tel :																							
Nama Pegawai Bertanggungjawab:	No. Fax :																							
	Hotline :																							
	Email:																							
"BERSAMA MELESTARI KUALA LUMPUR" Sebarang aduan sila hubungi DBKL Hotline: 1800 88 3255 SMS: 019-2424244 Email: jrbb@dbkl.gov.my Laman Web: www.dbkl.gov.my																								

BUTIRAN

1. BAHAN : Bahan yang digunakan untuk notis mestilah dari jenis "vinyl tarpaulin" atau "vinylsticker" (ukuran 1.2mx 2.4m)
2. LOKASI : Notis perlu dipasang bersebelahan dengan pintu masuk utama dan pada sempadan yang berhadapan jalan utama serta tidak terlindung. Notis perlu diletakkan di tengah "hoarding" atau di pasang secara bersendirian ("stand alone").
3. TEMPOH PEMASANGAN : Notis perlulah dipasang dan diselenggara sepanjang tempoh pembinaan
4. TULISAN : Dalam Bahasa Malaysia
: Warna hitam dengan latar belakang putih
: Saiz tulisan hendaklah boleh dilihat dengan mata kasar dari jarak 20 meter
5. PANDANGAN PERSPEKTIF : Mestilah 1/3 daripada saiz notis pemberitahuan
6. LOGO : Penggunaan sebarang logo, tidak dibenarkan

PROSEDUR PENGEMUKAAN PERMOHONAN PAPAN TANDA NOTIS PEMBERITAHUAN

Permohonan perlu dikemukakan dalam 2 salinan pelan lakar saiz A3 bersama permohonan kelulusan Kebenaran Mendirikan Bangunan (KMB).